



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 15 Mac 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p><b>Isu Kebajikan Kanak-Kanak, KPWKM Jadi Tumpuan Hari Ini</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/249755/berita/nasional/isu-kebajikan-kanak-kanak-kpwkm-jadi-tumpuan-hari-ini">https://www.sinarharian.com.my/article/249755/berita/nasional/isu-kebajikan-kanak-kanak-kpwkm-jadi-tumpuan-hari-ini</a></p> <p><a href="https://newsway.com/article/isu-kebajikan-kanak-kanak-kpwkm-jadi-tumpuan-hari-ini-A2303_NHKM48">https://newsway.com/article/isu-kebajikan-kanak-kanak-kpwkm-jadi-tumpuan-hari-ini-A2303_NHKM48</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/03/15/isu-kebajikan-kanak-kanak-kpwkm-jadi-tumpuan-dewan-rakyat-hari-ini/">https://malaysiagazette.com/2023/03/15/isu-kebajikan-kanak-kanak-kpwkm-jadi-tumpuan-dewan-rakyat-hari-ini/</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Newswav</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
2	<p><b>Ibu Kandung Muhammad Aliff Abdullah Dicari</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/ibu-kandung-muhammad-aliff-abdullah-">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/ibu-kandung-muhammad-aliff-abdullah-</a></p>	<p>Utusan</p>	Neutral

	<a href="#">dicari/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=ibu-kandung-muhammad-aliff-abdullah-dicari</a>		
3	<p><b>Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Kelantan Amat Membimbangkan - Ketua Hakim</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076893/jenayah-seksual-terhadap-kanak-kanak-kelantan-amat-membimbangkan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076893/jenayah-seksual-terhadap-kanak-kanak-kelantan-amat-membimbangkan</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=E6vS8TLhQU8">https://www.youtube.com/watch?v=E6vS8TLhQU8</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=RtWaMyWByIo">https://www.youtube.com/watch?v=RtWaMyWByIo</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/14/tengku-maimun-bimbang-kesadahan-jenayah-seksual-kanak-kanak-tinggi-di-kelantan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/14/tengku-maimun-bimbang-kesadahan-jenayah-seksual-kanak-kanak-tinggi-di-kelantan/</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/kesalahan-seksual-kanak-kanak-di-kelantan-membimbangkan-ketua-hakim-negara/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/kesalahan-seksual-kanak-kanak-di-kelantan-membimbangkan-ketua-hakim-negara/</a></p> <p><a href="https://ismaweb.net/2023/03/14/kes-kesalahan-seksual-terhadap-kanak-kanak-di-kelantan-membimbangkan/">https://ismaweb.net/2023/03/14/kes-kesalahan-seksual-terhadap-kanak-kanak-di-kelantan-membimbangkan/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>FMT</p> <p>Utusan</p> <p>Ismaweb</p>	Negatif
4	<p><b>KBS Laksana Kelas Renang Untuk Kanak-Kanak Golongan B40</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/249681/berita/utusan/kbs-laksana-kelas-renang-untuk-kanak-kanak-golongan-b40">https://www.sinarharian.com.my/article/249681/berita/utusan/kbs-laksana-kelas-renang-untuk-kanak-kanak-golongan-b40</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/14/dewan-rakyat-program-kelas-renang-percuma-untuk-kanak-kanak-keluarga-b40/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/14/dewan-rakyat-program-kelas-renang-percuma-untuk-kanak-kanak-keluarga-b40/</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/home/kbs-laksana-kelas-renang-untuk-kanak-kanak-golongan-b40-PD10750690">https://www.thesundaily.my/home/kbs-laksana-kelas-renang-untuk-kanak-kanak-golongan-b40-PD10750690</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>The Sun Daily</p>	Neutral
5	<p><b>Kanak-Kanak Lelaki Lemas Dalam Kolam Renang</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/249578/berita/semasa/kanak-kanak-lelaki-lemas-dalam-kolam-renang">https://www.sinarharian.com.my/article/249578/berita/semasa/kanak-kanak-lelaki-lemas-dalam-kolam-renang</a></p>	<p>Sinar Harian</p>	Negatif

	<p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945494/kanak-kanak-lemas-dalam-kolam-renang">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945494/kanak-kanak-lemas-dalam-kolam-renang</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2172861">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2172861</a></p> <p><a href="https://mediavariasi.com/2023/03/kanak-kanak-maut-dipercayai-lemas-di-kolam-renang/">https://mediavariasi.com/2023/03/kanak-kanak-maut-dipercayai-lemas-di-kolam-renang/</a></p> <p><a href="https://majoriti.com.my/berita/2023/03/14/teman-lelaki-ibu-leka-main-fon-anak-tunggal-lemas-dalam-kolam-renang-di-hotel-mentakab">https://majoriti.com.my/berita/2023/03/14/teman-lelaki-ibu-leka-main-fon-anak-tunggal-lemas-dalam-kolam-renang-di-hotel-mentakab</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Bernamea</p> <p>Media Variasi</p> <p>Majoriti</p>	
6	<p><b>Warga Emas Cedera Anak Baling ‘Remote’ Televisyen</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/warga-emas-cedera-anak-baling-remote-televisyen/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/warga-emas-cedera-anak-baling-remote-televisyen/</a></p> <p><a href="https://melaysiakini.com/warga-emas-cedera-anak-baling-remote-televisyen-81741.html">https://melaysiakini.com/warga-emas-cedera-anak-baling-remote-televisyen-81741.html</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945544/lelaki-baling-alat-kawalan-jauh-terhadap-bapa-ditahan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945544/lelaki-baling-alat-kawalan-jauh-terhadap-bapa-ditahan</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Melaysia Kini</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
7	<p><b>Polis Cari How Loo Kee, Hilang Sejak Bulan Lepas</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/03/14/polis-cari-how-loo-kee-hilang-sejak-bulan-lepas/">https://malaysiagazette.com/2023/03/14/polis-cari-how-loo-kee-hilang-sejak-bulan-lepas/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2173021">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2173021</a></p> <p><a href="https://www.kwongwah.com.my/20230314/77%E5%B2%81%E5%A6%87%E5%A5%B3%E5%A4%B1%E8%B8%AA%E9%80%BE%E6%9C%88-%E8%AD%A6%E5%8F%91%E5%AF%BB%E4%BA%E5%90%AF%E4%BA%8B/">https://www.kwongwah.com.my/20230314/77%E5%B2%81%E5%A6%87%E5%A5%B3%E5%A4%B1%E8%B8%AA%E9%80%BE%E6%9C%88-%E8%AD%A6%E5%8F%91%E5%AF%BB%E4%BA%E5%90%AF%E4%BA%8B/</a></p> <p><a href="https://www.sinchew.com.my/20230314/%E5%8D%8E%E8%A3%94%E8%80%81%E5%A6%87%E5%A4%B1%E8%B8%AA%E5%A4%A9%C2%B7%E8%AD%A6%E6%96%B9%E5%8F%91%E6%96%87%E5%91%8A%E5%AF%BB%E8%80%81%E5%A6%87/">https://www.sinchew.com.my/20230314/%E5%8D%8E%E8%A3%94%E8%80%81%E5%A6%87%E5%A4%B1%E8%B8%AA%E5%A4%A9%C2%B7%E8%AD%A6%E6%96%B9%E5%8F%91%E6%96%87%E5%91%8A%E5%AF%BB%E8%80%81%E5%A6%87/</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Bernamea</p> <p>Kwong Wah</p> <p>Sin Chew</p>	Neutral

	<a href="https://www.chinapress.com.my/20230314/7%E6%97%AC%E5%8D%8E%E5%A6%87%E5%A4%B1%E8%B8%AA-%E5%80%99%E8%8C%B9%E5%90%89-%E5%A6%B3%E5%9C%A8%E5%93%AA%EF%BC%9F/">https://www.chinapress.com.my/20230314/7%E6%97%AC%E5%8D%8E%E5%A6%87%E5%A4%B1%E8%B8%AA-%E5%80%99%E8%8C%B9%E5%90%89-%E5%A6%B3%E5%9C%A8%E5%93%AA%EF%BC%9F/</a>	China Press	
8	<p><b>Pekerja Ditahan Dipercayai Guna Penyata Gaji Palsu Tuntut Elaun OKU</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076967/pekerja-ditahan-dipercayai-guna-penyata-gaji-palsu-tuntut-elaun-oku?utm_source=bh&amp;utm_medium=terkinitabhp">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076967/pekerja-ditahan-dipercayai-guna-penyata-gaji-palsu-tuntut-elaun-oku?utm_source=bh&amp;utm_medium=terkinitabhp</a></p> <p><a href="https://headtopics.com/my/lelaki-direman-kemuka-penyata-pendapatan-palsu-36630929">https://headtopics.com/my/lelaki-direman-kemuka-penyata-pendapatan-palsu-36630929</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Head Topics</p>	Neutral
9	<p><b>Tukang Kayu 'Mata Satu'</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/WM/2023/03/945770/tukang-kayu-mata-satu">https://www.hmetro.com.my/WM/2023/03/945770/tukang-kayu-mata-satu</a></p>	Haria Metro	Positif
10	<p><b>Mahkamah Syariah Luluskan Tuntutan Fasakh Wanita Dalam Koma</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076876/mahkamah-syariah-luluskan-tuntutan-fasakh-wanita-dalam-koma">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076876/mahkamah-syariah-luluskan-tuntutan-fasakh-wanita-dalam-koma</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/14/wanita-terbaring-kaku-berjaya-tuntut-fasakh/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/14/wanita-terbaring-kaku-berjaya-tuntut-fasakh/</a></p> <p><a href="https://suamerdeka.com.my/wanita-terlantar-akibat-dipukul-suami-berjaya-dalam-tuntutan-fasakh/">https://suamerdeka.com.my/wanita-terlantar-akibat-dipukul-suami-berjaya-dalam-tuntutan-fasakh/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>FMT</p> <p>Suara Merdeka</p>	Neutral
11	<p><b>Michelle Yeoh Terima Anugerah Wanita Kasih Unggul</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/hiburan/celebriti/2023/03/1077119/michelle-yeoh-terima-anugerah-wanita-kasih-unggul">https://www.bharian.com.my/hiburan/celebriti/2023/03/1077119/michelle-yeoh-terima-anugerah-wanita-kasih-unggul</a></p>	Berita Harian	Neutral
12	<p><b>Ibu Tunggal Jual Senjata Tajam Tampung Kehidupan [METROTV]</b></p>		Neutral

	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945490/ibu-tunggal-jual-senjata-tajam-tampung-kehidupan-metroty">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945490/ibu-tunggal-jual-senjata-tajam-tampung-kehidupan-metroty</a>	Harian Metro	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=RnFXEtErKyo">https://www.youtube.com/watch?v=RnFXEtErKyo</a>	Harian Metro	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=twDbqzOJWKc">https://www.youtube.com/watch?v=twDbqzOJWKc</a>	Berita Harian	
13	<b>Mangsa Banjir Buntu Fikir Persiapan Sekolah Anak</b>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/249621/edisi/johor/mangsa-banjir-buntu-fikir-persiapan-sekolah-anak">https://www.sinarharian.com.my/article/249621/edisi/johor/mangsa-banjir-buntu-fikir-persiapan-sekolah-anak</a>  <a href="https://www.msn.com/en-my/news/others/barang-kelengkapan-sekolah-anak-hasil-jual-kuih-musnah-akibat-banjir/vi-AA18BDGb">https://www.msn.com/en-my/news/others/barang-kelengkapan-sekolah-anak-hasil-jual-kuih-musnah-akibat-banjir/vi-AA18BDGb</a>	Sinar Harian  MSN	Neutral

## ISU KEBAJIKAN KANAK-KANAK, KPWKM JADI TUMPUAN HARI INI

<https://www.sinarharian.com.my/article/249755/berita/nasional/isu-kebajikan-kanak-kanak-kpwkm-jadi-tumpuan-hari-ini>

Sumber : Sinar Harian



KUALA LUMPUR - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menjadi perhatian Dewan Rakyat hari ini apabila beberapa soalan mengenai kebajikan kanak-kanak dijangka dibangkitkan dalam sesi soal jawab.

Menurut Aturan Urusan Mesyuarat di laman web rasmi Parlimen, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera) dijadual bertanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula syarat-syarat kelulusan pengambilan anak angkat terutamanya kanak-kanak mangsa penderaan.

Bekas Perdana Menteri itu turut akan bertanya jika kanak-kanak terbabit kes penderaan akan ditempatkan di rumah kanak-kanak untuk lebih lama sebelum dipulangkan kepada waris.

Dr Abd Ghani Ahmad (PN-Jerlun) pula ingin tahu sama ada kerajaan bercadang untuk mewujudkan pusat jagaan khas anak luar nikah di seluruh negara selain menyentuh tentang bantuan serta pengiktirafan kerajaan ke atas usaha-usaha yang dijalankan badan bukan kerajaan.

Turut menyentuh bidang kuasa KPWK, Mohd Sany Hamzan (PH-Hulu Langat) akan mendahului sesi soal jawab dengan menyoal sama ada kementerian itu berhasrat memperkenalkan undang-undang bagi mewajibkan potongan gaji kepada anak yang menghantar ibu bapa ke pusat atau rumah jagaan warga emas.

Selain itu, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PH-Bandar Tun Razak) pula akan membangkitkan soalan mengenai langkah Kementerian Pendidikan untuk memastikan pelajar berkeperluan khas dan kurang upaya diberi fokus dan mendapat pendidikan berkualiti.

Turut tersenarai, soalan Teresa Kok Suh Sim (PH-Seputeh) kepada Menteri Perladangan dan Komoditi berkenaan perkembangan industri buluh negara dan usaha kerajaan mengembangkan industri itu.

Selesai sesi soal jawab, persidangan Dewan Rakyat akan diteruskan dengan hari ketiga perbahasan dan penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 di peringkat jawatankuasa.

Rang Undang-Undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023, Rang Undang-Undang Kewangan 2023 dan Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 juga dijadual dibaca buat kali kedua hari ini.

Persidangan kali ini berlangsung selama 31 hari hingga 4 April. – Bernama

## **IBU KANDUNG MUHAMMAD ALIFF ABDULLAH DICARI**

[https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/ibu-kandung-muhammad-aliff-abdullah-dicari/?utm\\_source=rss&utm\\_medium=rss&utm\\_campaign=ibu-kandung-muhammad-aliff-abdullah-dicari](https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/ibu-kandung-muhammad-aliff-abdullah-dicari/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=ibu-kandung-muhammad-aliff-abdullah-dicari)

**Sumber : Utusan**



JEMPOL: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Jempol sedang mencari ibu kandung bagi seorang kanak-kanak lelaki, Muhammad Aliff Abdullah, 4.

Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat yang juga Pelindung Kanak-Kanak Daerah Jempol, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Jempol, Siti Hajar Mohiddin berkata, ibu kanak-kanak itu diminta tampil bagi menyelesaikan urusan dokumen dan penempatan kanak-kanak tersebut.

“Kanak-kanak bernama Muhammad Aliff Abdullah berusia empat tahun tiga bulan telah tamat perintah di Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 24 Februari lalu.

“Kanak-kanak ini telah diselamatkan seperti peruntukan di bawah Seksyen 17(1)(d) Akta Kanak-Kanak 2001 dan ketika ini berada dalam jagaan sementara kepada orang yang layak dan sesuai.

“Memandangkan kes ini belum selesai siasatan, pelindung telah memohon kebenaran dari Mahkamah Bagi Kanak-Kanak Bahau untuk membuat suatu siaran media seperti di bawah peruntukan Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001 ke atas kanak-kanak bertujuan mengesan ibu kandung kanak-kanak itu,” katanya.

Siti Hajar berkata, sehubungan itu pihaknya boleh dihubungi menerusi nombor 06-4581400 dan ibu kanak-kanak itu perlu hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Jempol di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Daerah Jempol di Bandar Seri Jempol di sini. – [UTUSAN](#)

## JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK KELANTAN AMAT MEMBIMBANGKAN - KETUA HAKIM

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076893/jenayah-seksual-terhadap-kanak-kanak-kelantan-amat-membimbangkan>

Sumber : Berita Harian



KOTA BHARU: Sebanyak 13,579 kes didaftarkan membabitkan kes sivil dan jenayah di Mahkamah Kota Bharu dengan kes kesalahan berkaitan dadah direkodkan paling tinggi sepanjang tahun lalu.

Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat, berkata daripada jumlah itu, 6,412 adalah kes jenayah termasuk sebanyak 3,683 kes berkaitan dadah.

"Sebanyak 72 kes didaftarkan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 di Mahkamah Tinggi, 254 kes di Mahkamah Sesyen dan di Mahkamah Majistret pula sebanyak 3,357 kes.

"Badan Kehakiman sentiasa komited untuk memastikan semua kes dilupuskan dengan efisien. Namun demikian, untuk menangani mahupun mencegah kesalahan jenayah terutamanya kesalahan berkaitan dadah, peranan mahkamah semata-mata tidak mencukupi.

"Sebaliknya, semua pihak hendaklah bersatu hati dan memainkan peranan masing-masing demi membanteras isu ini kerana kesannya yang amat dahsyat sehingga memusnahkan masa depan terutamanya generasi muda, bahkan boleh melumpuhkan pembangunan fizikal dan rohani rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Kompleks Mahkamah Kota Bharu yang dirasmikan oleh Tengku Mahkota Kelantan, Dr Tengku Muhammad Faiz Petra.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Ramkarpal Singh dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Pada masa sama beliau berkata, kes membabitkan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang didaftarkan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu juga adalah amat membimbangkan iaitu sebanyak 59 kes berbanding kes berhubung jenayah seksual dewasa sebanyak 18 kes sahaja.

Katanya, dalam hal ini semua pihak hendaklah sentiasa cakna dalam memastikan hak dan kebajikan kanak-kanak yang menjadi golongan rentan sentiasa diberikan keutamaan dan mangsa kanak-kanak diberikan perlindungan yang sewajarnya.

"Di pihak mahkamah, kes jenayah seksual kanak-kanak sentiasa diberikan keutamaan menerusi pengendalian prosiding dalam mahkamah khas jenayah seksual kanak-kanak," katanya.

### **KBS LAKSANA KELAS RENANG UNTUK KANAK-KANAK GOLONGAN B40**

<https://www.sinarharian.com.my/article/249681/berita/sukan/kbs-laksana-kelas-renang-untuk-kanak-kanak-golongan-b40>

**Sumber : Sinar Harian**



KUALA LUMPUR - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan melaksanakan program kelas renang yang bersifat pendidikan sukan di beberapa negeri terpilih dalam usaha memastikan kemahiran renang dapat diterapkan dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya kanak-kanak.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh berkata, program itu dijangka dilancarkan bulan ini yang akan memberi faedah kepada 1,600 kanak-kanak berumur antara tiga hingga 12 tahun yang terdiri dalam kalangan keluarga B40.

"Program berkenaan akan dilaksanakan sepanjang tahun di negeri yang mencatatkan kadar kematian tinggi akibat lemas. Berdasarkan data sedia ada, kira-kira 500 kes lemas melibatkan kanak-kanak dilaporkan setiap tahun.

"Oleh sebab itu, saya meminta KBS untuk memastikan infrastruktur... kolam renang yang dimiliki oleh kerajaan kita akan guna untuk membantu golongan B40 menghadiri kes secara percuma," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 peringkat jawatankuasa bagi kementerian itu di Dewan Rakyat, hari ini.

Menurutnya dengan langkah itu, kes lemas semasa cuti sekolah dapat elak serta dikurangkan dan kementerian sedang meneliti kawasan yang dipilih nanti mempunyai data yang tinggi menunjukkan kanak-kanak di kawasan itu tiada tempat untuk rekreasi atau bermain.

Sementara itu, peruntukan bagi KBS dalam Belanjawan 2023 lulus di peringkat jawatankuasa hari ini.


Rang Undang-undang Perbekalan 2023 bagi kementerian itu lulus dengan suara majoriti selepas dibahas 17 Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.

Antara Ahli Parlimen yang terlibat dalam perbahasan itu ialah Datuk Dr Radzi Jidin (PN-Putrajaya), Datuk Mas Ermieyati Samsudin (PN-Masjid Tanah), Syerleena Abdul Rashid (PH-Pulau Pinang) dan Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang). – Bernama

## **KANAK-KANAK LELAKI LEMAS DALAM KOLAM RENANG**

<https://www.sinarharian.com.my/article/249578/berita/semasa/kanak-kanak-lelaki-lemas-dalam-kolam-renang>

**Sumber : Sinar Harian**



TEMERLOH - Seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun ditemukan lemas dipercayai ketika mandi di kolam renang sebuah hotel dekat Mentakab di sini pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Mohd Azhar Mohd Yusoff berkata, mangsa ditemui di dasar kolam dewasa dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Menurutnya, pihak polis menerima maklumat kejadian itu pada jam 6 petang daripada pegawai perubatan Klinik Kesihatan Malaysia (KKM) yang memaklumkan terdapat seorang pesakit meninggal dunia akibat lemas di kolam sebuah hotel di sini.

"Mangsa yang merupakan seorang anak tunggal telah dibawa ke kolam itu oleh teman lelaki ibunya bagi tujuan beriadah.

"Kira-kira jam 4.45 petang, mangsa pada mulanya mandi di kolam yang dikhaskan untuk kanak-kanak dan kemudiannya mandi di kawasan kolam renang dewasa.

"Mangsa mandi di dalam kolam tersebut yang berkedalaman dua meter dengan ditemani oleh lelaki tersebut," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Mohd Azhar berkata, tidak lama selepas itu mangsa bersama lelaki berkenaan naik untuk berehat di tepi kolam.

"Selepas itu, lelaki berkenaan menyedari mangsa sudah tidak ada bersamanya dan meminta bantuan pengawal keselamatan hotel berkenaan untuk mencari mangsa.

"Pengawal keselamatan menjumpai mangsa di dasar kolam renang dewasa dalam keadaan tidak sedarkan diri, mangsa diangkat ke tepi kolam dan diberikan bantuan resusitasi kardiopulmonari (CPR) sebelum dikejarkan ke klinik kesihatan berdekatan untuk pemeriksaan lanjut.

"Mangsa disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan dan dihantar ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh untuk proses bedah siasat," katanya.

Tambah beliau, kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak- Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM20,000 atau penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya.

Dalam pada itu, katanya, lelaki berkenaan turut dipanggil pihak polis untuk siasatan lanjut.

## WARGA EMAS CEDERA ANAK BALING 'REMOTE' TELEVISYEN

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/warga-emas-cedera-anak-baling-remote-televisyen/>

Sumber : Utusan



PETALING JAYA: Lelaki [warga emas](#) cedera apabila dibaling alat kawalan televisyen oleh anaknya dalam kejadian di Taman Bukit Teratai, Ampang Jaya, di sini semalam.

Kejadian pukul 7.30 pagi itu dikatakan berlaku apabila suspek lelaki berusia 41 tahun dipercayai berselisih faham dengan mangsa berusia 74 tahun itu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak berkata, punca kejadian disebabkan suspek tidak membenarkan pengadu menonton televisyen kerana tidak suka tindakan bapanya yang suka menguatkan audio televisyen.

“Suspek kemudian membaling alat kawalan jauh televisyen ke arah mangsa yang terkena pada bahagian kepala pengadu sehingga dia mengalami kecederaan.

“Pengadu ada mendapat rawatan di Hospital Ampang berikutan kecederaan tisu dialaminya pada dahi susulan kejadian itu,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, suspek yang tidak bekerja itu ditahan di lokasi kejadian pada 2.20 petang, semalam.

Ujarnya, pihak polis turut merampas satu alat kawalan jauh televisyen yang digunakan oleh suspek ketika kejadian.

“Semakan dilakukan mendapati suspek tidak mempunyai rekod jenayah, manakala ujian awal saringan air kencing dilakukan didapati negatif dadah.

“Permohonan reman terhadap suspek dibuat di Mahkamah Majistret Ampang hari ini. Kes disiasat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja menyebabkan kecederaan dengan senjata atau lain-lain benda berbahaya,” katanya. – [UTUSAN](#)

## **POLIS CARI HOW LOO KEE, HILANG SEJAK BULAN LEPAS**

<https://malaysiagazette.com/2023/03/14/polis-cari-how-loo-kee-hilang-sejak-bulan-lepas/>

**Sumber : Malaysia Gazette**



KUALA LUMPUR – Polis sedang mengesan seorang wanita warga emas yang dilaporkan hilang sejak bulan lepas.

Menurut Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur dalam kenyataan, warga emas terbabit dikenali dengan nama How Loo Kee, berusia 77 tahun.

Alamat terakhirnya di Blok A-7E-7, Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur.

Kali terakhir Loo Kee dilihat pada 11 Februari lalu, jam 8 malam.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat diminta menghubungi Pegawai Penyiasat Balai Polis Tun H.S. Lee, Insp Mohamad Shukri Mat Idris ditalian 012-4401833 / 03-92212222 atau mana-mana balai polis yang berhampiran bagi membantu siasatan. – MalaysiaGazette

## PEKERJA DITAHAN DIPERCAYAI GUNA PENYATA GAJI PALSU TUNTUT ELAUN OKU

[https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076967/pekerja-ditahan-dipercayai-guna-penyata-gaji-palsu-tuntut-elaun-oku?utm\\_source=bh&utm\\_medium=terkinitabhp](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076967/pekerja-ditahan-dipercayai-guna-penyata-gaji-palsu-tuntut-elaun-oku?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp)

Sumber : Berita Harian



SEREMBAN: Seorang lelaki ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) petang semalam selepas dipercayai mengemukakan penyata pendapatan palsu bagi mendapatkan bantuan elaun pekerja cacat.

Lelaki berusia 39 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Negeri Sembilan, di sini, kira-kira jam 12 tengah hari semalam ketika hadir memberikan keterangan.

Sumber SPRM berkata, suspek dikatakan mendapat elaun itu sejak 2013 sedangkan gaji sebenarnya adalah lebih tinggi berbanding gaji yang dikemukakan dalam penyata pendapatan berkenaan.

"SPRM menahan reman seorang lelaki kerana disyaki mengemukakan penyata pendapatan palsu kepada sebuah pejabat kebajikan di daerah Seremban.

"Ia bagi mendapatkan bantuan Elaun Pekerja Kurang Upaya (EPOKU) sedangkan gaji sebenarnya melebihi daripada syarat kelayakan yang ditetapkan," katanya hari ini.

Menurut sumber, suspek yang kini tidak bekerja dipercayai melakukan perbuatan itu sekitar tahun 2013 hingga 2022 bagi mendapatkan bantuan EPOKU sebanyak RM300 hingga RM450 sebulan.

"Majistret Naziah Mohd Alias menetapkan perintah reman selama lima hari bermula hari ini sehingga 18 Mac 2023 terhadap lelaki itu di Mahkamah Majistret Seremban.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan lelaki itu dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

## TUKANG KAYU 'MATA SATU'

<https://www.hmetro.com.my/WM/2023/03/945770/tukang-kayu-mata-satu>

Sumber : Harian Metro



KEHILANGAN penglihatan mata kiri akibat kemalangan ketika berusia lima tahun tidak menjadi halangan buat Mohd Noor Affendi Abdul Muin, 40, untuk berjaya seperti orang lain.

Biarpun menjadi orang kurang upaya (OKU), namun bekas jurutera itu tetap gigih mengubah nasib diri dan kini berjaya dalam perniagaan kayu palet yang diusahakan sejak dua tahun lalu.

Bapa tiga anak yang mesra dengan panggilan Affendi itu berkata, dia memulakan perniagaan itu selepas ditawarkan skim pemisahan sukarela (VSS) oleh syarikat penerbangan tempatnya bekerja selama 15 tahun.

Katanya, berbanding orang lain, dia hanya mempelajari kemahiran pertukangan menerusi YouTube kerana sebelum ini suka bertukang terutama membuat rak kayu serta permainan untuk anak-anaknya.

"Apabila ditawarkan VSS, saya lihat hobi ini berpotensi sebagai perniagaan dan mula aktif membuat pelbagai barangan lain hingga mendapat tempahan daripada jiran dan rakan-rakan.

"Kemudian saya memberanikan diri menyertai Program Liga Usahawan OKU Selangor (SAY LEAD). Alhamdulillah bertitik tolak dari situ, perniagaan semakin maju hingga tidak menangan," katanya selepas diumumkan sebagai pemenang pertama pada majlis Pusingan Akhir SAY LEAD Edisi Keempat di ibu negara, baru-baru ini.

Dengan kemenangan itu, Affendi membawa pulang piala, sijil, geran perniagaan berjumlah RM3,000 selain layak ke peringkat SAY LEAD+.

Hadiah disampaikan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Menurut Affendi lagi, dia kini mempunyai tiga pekerja dan melakukan kerja bertukang di bengkel berhampiran rumahnya di Bandar Saujana Putra, Selangor.



TENGGU Amir Shah menyampaikan hadiah kepada pemenang pada majlis Pusingan Akhir SAY LEAD Edisi Keempat di ibu negara.

Kata Affendi, antara produk kayu palet yang dihasilkannya merangkumi rak barangan, almari, meja, kerusi, rumah kucing dan perhiasan rumah.

"Jika ada rezeki, saya berhasrat membuka bilik pameran pula selepas ini dengan pelbagai produk sedia ada yang boleh dibeli terus kerana ketika ini barangan dihasilkan adalah berdasarkan tempahan.

"Ia bukan mudah, namun tidak mustahil kerana jika ada usaha, pasti ada jalannya," katanya.

Pada majlis sama,

pengusaha nasi lemak, Amir Mohsin Mohd Bahrudin pula dipilih memenangi tempat kedua manakala tempat ketiga dimenangi pemilik kedai runcit, Irwan Faizuri Johari.

Anugerah Usahawan Harapan pula dimenangi pengusaha perkhidmatan mencuci dan membersih, Nur Aini Mohamad Mashudi, 31, yang juga penghidap bipolar.

Ibu kepada dua cahaya mata itu disahkan menghidap masalah berkenaan pada 2018 selepas berdepan kemurungan dan terpaksa berhenti kerja daripada sebuah syarikat swasta.

Kata Nur Aini, dia kemudian mencuba pelbagai jenis pekerjaan dan perniagaan sebelum memulakan perniagaan itu.

Katanya, pada mulanya dia hanya menjalankan perkhidmatan membersihkan dan mencuci rumah seorang diri, sebagai terapi selain untuk mencari pendapatan sampingan.

"Namun, tidak sangka ia mendapat sambutan dan saya bersyukur kerana keluarga serta rakan-rakan turut memberikan sokongan.



ANTARA sentuhan tukang Affendi.

"Setakat ini perkhidmatan mencuci dan membersihkan rumah atau premis pejabat hanya di sekitar Kuala Selangor dan saya kini turut dibantu lima pekerja.

"Dalam sehari, sekurang-kurangnya tiga hingga empat rumah dapat dibersihkan dan jika tiada halangan saya ingin mengembangkan perkhidmatan ke luar Kuala Selangor pula selepas ini," katanya.

Sementara itu, SAY LEAD adalah sebuah liga keusahawanan bagi OKU untuk membantu usahawan daripada golongan berkenaan menjana pendapatan stabil melalui perniagaan dan kursus bimbingan perniagaan yang berstruktur.

Tiga pemenang utama akan layak ke peringkat seterusnya iaitu program SAY LEAD+, program bimbingan selama satu tahun untuk membantu mereka mengembangkan perniagaan melalui akses pasaran baharu, digitalisasi perniagaan dan pasaran eksport.



NUR Aini memenangi Anugerah Usahawan Harapan SAY LEAD Edisi Keempat.

Ia adalah inisiatif Selangor Youth Community (SAY) yang diasaskan Tengku Amir Shah sendiri.

Menariknya, edisi kali ini turut disertai usahawan OKU pekak dan bisu yang menunjukkan potensi hebat seperti usahawan OKU lain.

Dengan dibantu Jurubahasa Isyarat (JBI) ketika sesi pembentangan membuktikan mereka mampu dan ingin ke depan seperti yang lain.

## **MAHKAMAH SYARIAH LULUSKAN TUNTUTAN FASAKH WANITA DALAM KOMA**

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076876/mahkamah-syariah-luluskan-tuntutan-fasakh-wanita-dalam-koma>

**Sumber : Berita Harian**



SEREMBAN: Mahkamah Rendah Syariah Seremban hari ini, meluluskan permohonan tuntutan fasakh oleh wanita yang berada dalam koma, **Jahidah Nordin**, terhadap suami yang mencederakannya hingga dia terbaring kaku sejak Mei 2021.

Tuntutan fasakh oleh **Jahidah, 44**, terhadap suaminya, Rosmaini Abd Raof, 40, difailkan dengan berwakilkan adiknya, Fauziah Nordin, 41.

Fauziah berkata, dia membuat tuntutan fasakh mewakili kakaknya pada 1 Februari lalu dan bersyukur proses itu dipermudahkan tanpa menunggu lama.

"Saya sangat bersyukur sebab sudah lama tunggu supaya ada keputusan mengenai perkahwinan kakak ini. Saya memang tidak sangka akan dapat keputusan hari ini, rasa kurang sikit beban saya. **Julia bukan musuh saya - Lufya**

"Saya akan bincang dengan peguam untuk langkah seterusnya kerana ia perlu dilakukan satu persatu memandangkan saya perlu menjaga kakak dan juga anaknya," katanya ketika ditemui di luar mahkamah, hari ini.

Fauziah berkata, dia kini lega dan dapat memberi fokus terhadap kes jenayah membabitkan Rosmaini dengan kakaknya yang kini masih lagi dalam perbicaraan di mahkamah.

"Saya gembira dan tidak sabar untuk memaklumkan keputusan ini kepada keluarga. Untuk proses seterusnya (hak penjagaan dan tuntutan nafkah) saya akan bincang dengan peguam," katanya.

Fauziah berkata, dia berharap lelaki yang mencederakan kakaknya itu menerima hukuman setimpal memandangkan tindakan itu menyebabkan kehidupan kakaknya sekeluarga berubah.

Terdahulu, di dalam mahkamah, Peguam Mohd Amirul Adam Ahmad dari Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sembilan yang mewakili Fauziah, menyerahkan kenyataan bertulis kepada Hakim, Hamizan Mohd Nor.

Kenyataan sebanyak tujuh muka surat itu mengandungi 31 soalan dan jawapan sebelum Hamizan bertanyakan beberapa soalan pengesahan terhadap Fauziah ketika prosiding.

Ketika prosiding juga, hakim bertanya kepada Fauziah mengenai nafkah kepada kakaknya, sebelum Fauziah memaklumkan lelaki berkenaan tidak pernah melawat atau menghubungi Jahidah, selain tidak memberikan nafkah.

Sementara itu, Mohd Amirul berkata, hakim membuat keputusan hari ini selepas mahkamah berpuas hati dengan keterangan secara bertulis oleh pihak penjaga ad litem serta berdasarkan dokumen yang dikemukakan.

"Tuntutan fasakh kita mula buat pada 1 Februari lalu. Sepatutnya permohonan perlu dibuat **Jahidah** sendiri, tetapi berikutan keadaan dirinya, jadi kita perlu buat permohonan

penjagaan ad litem di Mahkamah Tinggi Syariah dan permohonan pengurusan harta di Mahkamah Tinggi Malaya terlebih dahulu pada Januari lalu.

"Mahkamah berpuas hati dengan kedua-dua keputusan dua mahkamah tinggi itu dan pada hari ini memutuskan bahawa pernikahan **Jahidah** dengan Rosmaini difasakhkan bermula hari ini," katanya.

Mengulas mengenai defendan atau wakilnya yang tidak hadir hari ini, Mohd Amirul berkata, sebelum ini pihaknya cuba menyerahkan saman secara sendiri di alamat terakhir Rosmaini di Johor,

"Tetapi apabila kami meminta bantuan Jabatan Bantuan Guaman Johor untuk serahkan saman (notis kehadiran), laporan yang kami terima tiada penghuni di rumah berkenaan.

"Jadi pilihan ada untuk memanggil pihak defendan hadir juga ke mahkamah adalah melalui saman ganti iaitu saman tampalan di alamat terakhir atau saman melalui iklan. Kami buat melalui iklan di akhbar Berita Harian pada 24 Februari lalu," katanya.

Media pada Mei 2021 melaporkan seorang wanita hamil parah dipercayai **dipukul suaminya** dalam kejadian pada 4 Mei.

Wanita itu yang seorang kakitangan awam sebuah jabatan kerajaan dilaporkan berada di Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) Seremban selepas menerima rawatan awal di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru.

Mangsa mengalami **kecederaan parah** pada kepala dan tengkorak akibat pendarahan selain rahang, tulang belakang serta rusuk retak disyaki dipukul suaminya.

## MICHELLE YEOH TERIMA ANUGERAH WANITA KASIH UNGGUL

<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2023/03/1077119/michelle-yeoh-terima-anugerah-wanita-kasih-unggul>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Pengorbanan dan kerja keras Tan Sri Michelle Yeoh mencipta nama di Hollywood diiktiraf Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang menghadiahkan bintang filem berasal dari Ipoh, Perak itu, Anugerah Wanita Kasih Unggul sempena Hari Wanita Sedunia.

Anugerah itu disampaikan Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri kepada ibu Michelle, Janet Yeoh pada acara Tontonan Eksklusif Oscar 2023 - Kebanggaan Malaysia di Dadi Cinema, Pavilion Kuala Lumpur, kelmarin.

Di pentas Anugerah Akademi (Oscar) Ke-95 di Los Angeles, Amerika Syarikat (AS), kelmarin Yeoh mencapai kejayaan membanggakan apabila diumumkan Pelakon Wanita Terbaik, sekali gus muncul pelakon Asia pertama mengungguli kategori itu di pentas Oscar.

Yeoh menewaskan empat calon hebat lain iaitu Andrea Riseborough yang membintangi filem To Leslie, Cate Blanchett (Tar), Michelle Williams (The Fabelmans) dan Ana de Armas (Blonde).

Nancy berkata, kejayaan Yeoh di persada perfileman antarabangsa adalah bayaran terhadap usaha kerasnya selama 40 tahun.

"Yeoh membanggakan seluruh Malaysia selama bertahun-tahun, tetapi kali ini, beliau membuktikan bahawa dengan semangat dan keazaman tinggi, selayaknya beliau diiktiraf Oscar," katanya kepada BH Online.



Nancy (kanan) dan Janet hadir pada acara Tontonan Eksklusif Oscar 2023 - Kebanggaan Malaysia di Dadi Cinema, Pavilion Kuala Lumpur, kelmarin. - NSTP/Rohanis Shukri

Nancy berkata, selama empat dekad berkecimpung dalam industri lakonan, Yeoh sudah bekerja keras dalam meningkatkan keupayaan sebagai pelakon.

"Kita semua boleh belajar dan mendapat inspirasi daripada dedikasi tinggi yang ditampikan Yeoh.

"Ini (kejayaan di Oscar) adalah kemenangan yang tidak boleh disangkal," katanya.

Sebelum ini, Yeoh turut meraih kemenangan dalam kategori sama, iaitu Pelakon Wanita Terbaik pada beberapa acara lain termasuk Anugerah Golden Globe Ke-80 dan Screen Actors Guild Awards (SAG) Ke-29.

Susulan itu, beliau menerima pencalonan dalam Oscar Ke-95 bagi kategori Pelakon Wanita Terbaik, sekali gus menjadi pelakon wanita Asia pertama yang mendapat pengiktirafan penganjur, The Academy of Motion Pictures Arts and Sciences untuk dicalonkan dalam kategori utama anugerah berprestij itu.

## Ibu Tunggal Jual Senjata Tajam Tampung Kehidupan [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945490/ibu-tunggal-jual-senjata-tajam-tampung-kehidupan-metrotv>

Sumber : Harian Metro



Kota Bharu: Penjualan barangan berasaskan besi dan senjata sinonim dengan golongan lelaki, namun ibu tunggal ini meneruskan perniagaan arwah bapanya demi menampung kehidupan membesarkan anak-anak.

Faridah Mohd Noor, 55, berkata menyedari dunia pekerjaannya terdedah kepada risiko, dia sentiasa peka dengan pelanggan yang datang membeli senjata tajam seperti pisau, parang, keris, dan kapak itu di kedainya.

Katanya, pada masa sama, dia turut menjual peralatan lain seperti kacip pinang atau lebih popular dengan nama 'kati' di Kelantan yang dahulunya digunakan untuk mengacip pinang yang dimakan bersama sirih selain menjadi peralatan wajib dalam tepak sirih.

"Saya mendapatkan barang seperti pisau, keris dan kapak daripada tukang besi dan pembuat senjata di sekitar Kelantan, manakala kacip pinang pula terpaksa membuat pesanan dari negara jiran, Thailand disebabkan sukar mencari pembuatnya.

"Walaupun pendapatan yang diperoleh tidak menentu dan bergantung kepada permintaan, saya bersyukur kerana masih ada rezeki untuk menyara keluarga," katanya ketika ditemui di Pasar Besar Siti Khadijah, di sini.

Menurutnya, dia bergantung dengan jualan barang besi dan senjata tajam bagi menyara dua anaknya berusia 12 dan 16 tahun yang masih bersekolah, selain tidak mahu membebankan anak-anak yang lain.

Katanya, selepas kematian suami sejak lima tahun lalu akibat angin ahmar, dia terpaksa menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

"Alhamdulillah sepanjang 10 tahun menjual senjata tajam di pasar ini, saya tidak berhadapan dengan mana-mana pelanggan yang pelik atau situasi di luar jangka," katanya.

## MANGSA BANJIR BUNTU FIKIR PERSIAPAN SEKOLAH ANAK

<https://www.sinarharian.com.my/article/249621/edisi/johor/mangsa-banjir-buntu-fikir-persiapan-sekolah-anak>

Sumber : Sinar Harian



BATU PAHAT - Seorang ibu tunggal tidak dapat menahan kesedihan apabila pakaian sekolah anaknya yang dibeli hasil jualan kuih musnah akibat banjir.

Azlina Azinal, 39, berkata, dia mengumpul hasil jualan kuih sejak tiga bulan lalu untuk membeli pakaian sekolah anaknya, Nur Syahirah Abdullah, 16.

"Untung sikit-sikit saya simpan untuk beli baju sekolah anak yang baharu. Saya beli awal sebab banyak lagi keperluan lain yang perlu saya beli lebih-lebih untuk menyambut Ramadan.

"Bagaimanapun disebabkan bencana banjir yang berlaku, baju sekolah anak rosak. Saya sedih melihat keadaan baju yang tidak boleh digunakan lagi," katanya yang menetap di Kampung Parit Jambol, Parit Raja.

Dia yang sudah tinggal selama 11 hari di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Pintas Puding, Parit Raja kini berharap agar kerajaan dapat membantunya untuk membeli keperluan persekolahan anak selain membayar yuran sekolah.

Bagi, Rosaniza Sanusi, 39, pula mengakui bingung memikirkan perbelanjaan yang perlu ditanggung bagi membeli keperluan sekolah tiga orang anaknya selain barangan rumah yang rosak ditenggelami air.

"Saya dan suami Mahathir Mohamad, 40 bekerja kilang. Rancang hendak beli keperluan sekolah seminggu sebelum sesi persekolahan bermula pada 19 Mac ini.



Kampung Parit Sempadan Laut yang masih dilanda banjir.

"Namun banjir berlaku dan menenggelamkan rumah di Kampung Parit Jawa Tanjung Semberong. Anak-anak ada yang sudah bertanya tentang baju sekolah tetapi mereka faham kesusahan yang dialami kerana kami sekeluarga masih tinggal di PPS," katanya.

Azim Mohd Syukri, 31, pula memberitahu bukan sahaja berdepan kerugian barang rumah rosak akibat banjir tetapi buntu memikirkan kelengkapan persekolahan dua orang anaknya yang belum dibeli.

"Saya ada lima orang anak. Anak sulung akan mula bersekolah darjah satu, adiknya pula ke prasekolah. Tiga lagi anak berusia empat tahun, setahun dan dua bulan.

"Sudah lima hari di PPS selepas rumah Kampung Parit Sempadan dinaiki air. Harap kerajaan dapat bantu perbelanjaan sekolah anak-anak," katanya yang bekerja kilang.